

16 JUL 1998

LEAD Mesyuarat-MB

MESYUARAT MENTERI BESAR BINCANG USAHA GERAKKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri yang membincangkan usaha untuk menggerakkan ekonomi negara dan meningkatkan lagi pengeluaran makanan tempatan.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri, usaha kerajaan untuk menggerakkan ekonomi negara bagi mengatasi keadaan kegawatan yang sedang melanda negara adalah antara perkara utama yang dibincangkan.

Mesyuarat itu juga menyentuh peranan Kerajaan Pusat dan Negeri-negeri dalam usaha meningkatkan lagi pengeluaran makanan tempatan bagi mengurangkan import yang sejajar dengan langkah kerajaan mengurangkan pengaliran keluar ringgit.

"Di samping itu perbincangan mesyuarat itu juga telah menekankan pentingnya semua pihak di peringkat Kerajaan Pusat dan Negeri mengambil langkah untuk menggalakkan industri tempatan meningkatkan eksport barangan tempatan," kata kenyataan itu.

Turut dibincangkan dalam mesyuarat itu ialah usaha pembekalan air dari Pahang ke Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Di samping itu, cadangan mengenai langkah-langkah pembersihan tumpahan minyak di perairan dan pantai negeri-negeri juga turut dibincangkan," kata kenyataan itu.

Mesyuarat itu diadakan di Pejabat Perdana Menteri bermula pada pukul 2.45 petang dan turut dihadiri beberapa Menteri Kabinet.

Kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri menghadiri mesyuarat itu kecuali Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud.

Yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah.

-- BERNAMA

MNY RA